

UMS terima 34 pelajar perubatan

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin menerima 34 orang pelajar perintis di bawah Program Ijazah Doktor Perubatan yang dimulakan pada tahun ini.

Naib Canselor UMS Tan Sri Dr Abu Hassan Othman berkata penawaran program ijazah itu dan penubuhan Sekolah Perubatan di UMS bertujuan menambah jumlah doktor perubatan serta tenaga pakar kesihatan lain di negara ini terutamanya di Sabah.

Permohonan yang diterima untuk memasuki Sekolah Perubatan itu melebihi daripada 34 tempat yang ditawarkan pada tahun ini, katanya di sini.

Beliau berkata UMS juga berharap untuk melahirkan doktor yang cemerlang, mempunyai kemampuan untuk bersaing dan sanggup berkhidmat untuk masyarakat di seluruh pelosuk negara.

Oleh itu, katanya, UMS telah berbincang dengan beberapa buah hospital di Sabah bagi mendapatkan bantuan mereka untuk melatih para pelajar perubatannya.

Dr Abu Hassan berkata UMS juga akan melantik penasihat dari dalam dan luar negara bagi memastikan pencapaian Sekolah Perubatan UMS menepati tahap tertinggi antarabangsa.

Pada masa ini, Sekolah Perubatan UMS diterajui oleh dekannya yang pertama Prof Dr Osman Ali yang sebelum ini merupakan pensyarah dan Ketua Jabatan di Jabatan Kesihatan Masyarakat Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pada tahun ini UMS menerima 3,965 orang pelajar Ijazah Pertama bagi kemaskuhan sesi 2003/2004 pada pendaftaran universiti yang bermula kelmarin dan berakhir hari ini. — Bernama